

- (l) Walaupun kuantiti kerja boleh dicatatkan di Ringkasan Tender, amalan ini secara amnya adalah tidak digalakkan. Di mana kuantiti kerja perlu dinyatakan, umpamanya untuk kerja cerucuk, cara pengukuran dan pembayaran hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Dokumen Tender.

(m) Jadual Kadar Harga

Untuk kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi, satu jadual kadar harga terkini mestilah menjadi sebahagian daripada dokumen tender dan dokumen meja tender. Jadual kadar harga ini diperlukan untuk tujuan penilaian kerja perubahan.

(n) Lukisan

- (i) Lukisan-lukisan untuk pelaksanaan kerja mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender dan Dokumen Meja Tender. Untuk kontrak berdasarkan senarai kuantiti, lukisan adalah diperlukan untuk memberikan gambaran kepada petender secara keseluruhan tentang jenis dan skop kerja, dan butiran-butiran lain yang diperlukan untuk mengharga kerja yang disenaraikan di dalam senarai kuantiti.
- (ii) Untuk kontrak binaan bangunan, hanya pelan tatatur tapak bina, pelan-pelan lantai, keratan dan tampak bangunan-bangunan, dan butiran-butiran kerja lain yang tidak dapat dihuraikan dengan jelas dalam senarai kuantiti adalah memadai dan disenaraikan sebagai senarai lukisan dikeluarkan kepada petender. Untuk kontrak kerja kejuruteraan awam, satu set lengkap lukisan hendaklah dikemukakan kepada petender.
- (iii) Untuk kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi, lukisan-lukisan bersama-sama dengan Spesifikasi dan Ringkasan Tender menjadi asas Harga Kontrak. Satu perunggu lengkap lukisan-lukisan hendaklah disertakan bersama sebagaimana wajarnya.